

**PERTANDINGAN IDEA KREATIF VETERINAR 2015
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

PENGENALAN

Terdapat sebanyak enam puluh enam (66) penyertaan Pertandingan Idea Kreatif Veterinar telah diterima sepanjang bulan Ogos 2014–September 2015 untuk penilaian sempena Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar 2015 seperti berikut:

BULAN/PENGGAL	BILANGAN PENYERTAAN	
OGOS 2014 (Strategi Peningkatan Pengeluaran Susu Ternakan)	18	
SEPTEMBER 2014 (Cadangan Tema Sambutan Hari Inovasi DVS)	29	
PENGGAL 1 2015 (Jan-Mac 2015)	3 (Meningkatkan Produktiviti Pengeluaran Pedaging dan Tenusu)	1 (Bebas)
PENGGAL 2 2015 (April –Jun 2015)	3 (Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Veterinar)	3 (Bebas)
PENGGAL 3 2015 (Julai-September 2015)	5 (Teknologi Hijau dalam Industri Ternakan)	4 (Bebas)

Panel Penilai bagi Pertandingan Idea Kreatif Veterinar terdiri daripada:

1. Dr. Abdul Latif bin Borhan - **Ketua Panel Penilai**
Pengarah Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
2. Dr. Ahmad bin Salleh
Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Hiliran
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
3. Y.H. Dato' Mohamed Radzuan bin Malek
Pengarah Bahagian Penguatkuasa
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

KEPUTUSAN

Panel-Panel Penilai telah membuat penilaian terhadap borang-borang penyertaan dan keputusan pemenang telah dibincang semasa Mesyuarat Penilaian Pertandingan Idea Kreatif Veterinar pada 6 November 2015. Panel-Panel Penilai telah bersetuju dan memutuskan secara muktamad bahawa pemenang-pemenang Pertandingan Idea Kreatif Veterinar 2015 adalah seperti berikut;

1. KATEGORI BERTEMA

Pemenang Pertama

TN. HJ. NOOR RAHIM BIN SHARIF

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Putrajaya

Idea Kreatif:

Pengenalpastian Model Farm & Menerbitkan Buku Kisah Kejayaan Penternak

Jabatan mengenalpasti ladang tenusu yang mempunyai produktiviti, inovasi dan keuntungan yang tinggi untuk dijadikan model farm sebagai ikutan penternak lain. Buku kisah kejayaan penternak yang diterjemah dari segi pengurusan ladang, inovasi yang dihasilkan tip-tip penjimatan dan serta sikap positif yang dimiliki oleh penternak perlu diterangkan secara terperinci. Buku perlulah ditulis supaya mudah difahami dan lengkap dengan gambar serta menarik dan dapat diletakkan didalam ladang dan tidak mudah rosak

Pemenang Kedua

TN. HJ. NOOR RAHIM BIN SHARIF
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Putrajaya

Idea Kreatif:

Mengadakan Pertandingan Penternak Berproduktiviti Tinggi

Setiap negeri perlu menghantar wakil seorang penternak berproduktiviti tinggi. Mengikut kriteria yang ditetapkan seperti pengeluaran susu, tempoh laktasi, selang beranak dan kos pengeluaran dan hasil tertinggi dari seekor bibit yang ada di ladang .

Pertandingan ini dapat memberi kesedaran untuk memelihara bibit yang sedikit tetapi mempunyai produktiviti tinggi. Berbanding meningkatkan bilangan bibit untuk meningkatkan pendapatan.

Pemenang Ketiga

DR. ZURIN AZLIN BIN MD JININ
Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh, Perak

Idea Kreatif:

Menjadikan tanah bertaraf TKPM dan padang ragut terbiar untuk mengatasi masalah tanah bagi penternakan

Salah satu kaedah peningkatan pengeluaran susu Negara adalah dengan meningkatkan bilangan lembu susu betina dalam ladang. Ternakan perlulah diurus dengan sempurna dengan bekalan makanan yang mencukupi dan bernutrient tinggi, persekitaran yang bersih dan risiko penyakit yang terkawal dan program pembiakan yang efficient. Di Malaysia kebanyakan penternakan lembu tenusu adalah berskala kecil dan menghadapi masalah tanah (kawasan penternakan dan penanaman rumput) dan pemakanan.

DVS di setiap negeri mempunyai tanah bertaraf TKPM dan padang ragut yang terbiar dan telah diceroboh disebabkan tidak dibangunkan dengan baik. Oleh itu dicadangkan:

1. Menubuhkan koperasi peternak lembu tenusu mengikut daerah/negeri dalam menguruskan penternakan lembu tenusu di padang ragut atau TKPM berkenaan dengan perjanjian.
2. Sekumpulan penternak kecil dikumpulkan dan diberi kawasan yang mencukupi di TKPM dan padang ragut jabatan.
3. Satu SOP penternakan lembu tenusu diwujudkan oleh seksyen Tenusu dan dijadikan standard yang mesti dipatuhi oleh semua penternak berkenaan.
4. Jawatankuasa Pemantau perlu ditubuhkan dalam memantau semua penternakan dari segi penternakan, pemakanan, kesihatan, pembiakan, kualiti susu, pengeluaran susu dan jualan susu.
5. Diperuntukan kawasan penanaman rumput napier dan jagung di dalam kawasan tanah TKPM atau padang ragut berkenaan dalam membekalkan makanan kepada penternak berkenaan.
6. Terdapat peratusan kecil seperti 10% daripada hasil jualan sebagai bayaran kos pengurusan di dalam AKAUN AMANAH @ kos penyelenggaraan TKPM/padang ragut.

2. KATEGORI BEBAS

Pemenang

DR. PRAVINA R. VATHI A/P RAMACHANDEREN

Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

Idea Kreatif:

Salinan surat-surat, surat arahan, minit mesyuarat dibuat salinan secara "softcopy"

Dicadangkan salinan surat-surat, surat arahan, minit mesyuarat atau surat –surat yang melibatkan keputusan dasar/polisi yang dikeluarkan oleh Jabatan di 'scan' dan disimpan dalam bentuk "softcopy" mengikut tarikh dan perkara.

Perkara ini perlu dibuat di setiap bahagian dan seksyen yang di Jabatan. Kaedah ini akan memudahkan proses pencarian surat/minit/surat arahan tersebut dalam komputer apabila diperlukan bila-bila masa. Disamping menjimatkan kos penggunaan kertas yang digunakan untuk photostat dan menjimatkan ruang penyimpanan fail.

Bagi tujuan tersebut, setiap unit/seksyen perlu ada seorang staf yang ditugaskan khas untuk merekodkan surat/minit mesyuarat dan seterusnya "scan" kesemua surat/minit tersebut dan menfaikannya dalam bentuk "softcopy" di komputer khas. Komputer tersebut perlu mempunyai "password" untuk tujuan akses.